

PEDAGOGI RESPONSIF BUDAYA SATU DIMENSI PENDIDIKAN GLOBAL

Siti Zuraida Maaruf & Saedah Siraj

Universiti Malaya
aidasam79@yahoo.com

***Abstrak** :Pendidikan Pelbagai budaya merupakan satu isu pendidikan global yang turut dihadapi oleh seluruh dunia termasuk negara kita Malaysia.Kepelembagaan budaya yang dimiliki oleh semua kaum utama di Malaysia perlu didedahkan kepada generasi muda menerusi sistem pendidikan agar mereka memiliki pengetahuan dan kesedaran bukan sahaja untuk memahami malah terus menghormatinya serta mengekalkan kesefahaman dan toleransi di kalangan mereka bukan sahaja semasa mereka berada di dalam alam persekolahan malahan juga sehingga ke alam pekerjaan kelak. Pendekatan pendidikan pelbagai budaya juga boleh membantu memupuk perpaduan di kalangan pelajar kerana ia akan memberikan pelajar kefahaman tentang budaya kaum lain dan mereka boleh lebih bersikap bertoleransi sesama mereka apabila wujud kesedaran dan kefahaman tentang amalan, budaya serta nilai kesenian sesebuah kaum. Di sini jelas menunjukkan bahawa kita perlu melakukan perubahan dalam sistem pendidikan dengan cara menggunakan pendekatan pedagogi responsif budaya yang lebih memberi ruang kepada elemen pengetahuan dan juga kesedaran pelbagai budaya didedahkan dan dipelajari oleh pelajar agar mereka lebih peka kepada amalan budaya masyarakat di sekeliling mereka. Pendekatan yang sebegini diperlukan kerana pendidikan adalah dinamik serta sikap, hubungan serta nilai dalam masyarakat bukan sahaja berubah malahan melalui pergerakan paradigma seperti dari tradisional kepada moden dan lebih liberal. Tambahan lagi, perubahan yang berlaku juga mengambil adunan yang divedok dari pelbagai sumber mengikut perkembangan ideologi, pergerakan atau imigrasi masyarakat juga perkembangan sejarah negara.*

PENGENALAN

Malaysia merupakan salah sebuah negara di rantau Asia yang terkenal dengan kepelembagaan budaya, bahasa serta agama. Populasi rakyat Malaysia terhasil daripada gabungan masyarakat yang memiliki latarbelakang yang penuh dengan keunikan budaya serta amalan bangsa dan adat resam etnik yang berbeza-beza. Masyarakat Malaysia terdiri daripada tiga kumpulan kaum utama iaitu Malayu, Cina, India, dan beberapa kumpulan etnik yang berbeza, seperti Serani, Orang Asli serta masyarakat peribumi dari Sabah dan Sarawak. Meskipun rakyat Malaysia mempunyai perbezaan amalan serta kepercayaan namun kita masih boleh bergabung membentuk satu masyarakat majmuk yang hidup aman sentosa serta saling menghormati keunikan identiti antara satu sama lain. Menurut Asma Abdullah dan Paul B. Pedersen (2006) kepelembagaan masyarakat ini merupakan sumber yang amat positif dan bukanlah satu penghalang kemakmuran kerana 'Multiculturalism' di Malaysia adalah berdasarkan Model Integratif di mana masyarakat di Malaysia yang berbeza budaya dan asal usul mempunyai interaksi

yang baik antara satu sama lain serta mampu hidup aman dan sentosa. Usaha untuk mengekalkan keharmonian dan kesejahteraan hidup sebagai masyarakat majmuk bukan sahaja menjadi tanggungjawab pihak pentadbiran negara malah tugas penting itu seharusnya digalas bersama semua rakyat Malaysia tanpa mengira kaum, status kedudukan sosial dan ekonomi mahupun usia seseorang individu. Bagi menjamin kesejahteraan, keharmonian serta meningkatkan lagi kestabilan perpaduan di kalangan masyarakat yang berbilang bangsa ini kita sebagai rakyat Malaysia perlu lebih sensitif, memahami dan menghormati amalan budaya antara satu kaum dengan kaum yang lain. Dalam konteks ini, penerapan nilai perpaduan bagi hidup bermasyarakat majmuk ini adalah melalui pendidikan. Isu perpaduan merupakan salah satu elemen penting yang diberi penumpuan dalam pembentukan dasar pelajaran. Bagi memberi pendedahan dan kesedaran kepada pelajar tentang pentingnya kefahaman serta rasa hormat terhadap kepelbagaian budaya yang wujud di Malaysia dalam membentuk perpaduan masyarakat. Elemen kesenian dalam bentuk kepelbagaian budaya yang dimiliki oleh semua kaum utama di Malaysia iaitu Melayu, China, India dan juga masyarakat Peribumi kita perlu diajar diperingkat sekolah agar generasi muda mengerti serta menghargai nilai seni tersebut. Dengan mengintegrasikan elemen pendidikan yang bersifat kepelbagaian budaya dalam kurikulum pendidikan di sekolah ataupun menerusi pendekatan pengajaran dan pembelajaran berpandukan kurikulum sedia ada merupakan satu cara yang terbaik untuk mendidik generasi muda untuk memahami, menghargai dan menghormati budaya dan warisan yang dimiliki oleh kaum lain. Pendekatan pendidikan kepelbagaian budaya atau pedagogi responsif budaya juga boleh membantu memupuk perpaduan di kalangan pelajar kerana ia akan memberikan pelajar kefahaman tentang budaya kaum lain dan mereka boleh lebih bersikap bertoleransi sesama mereka apabila wujud kesedaran dan kefahaman tentang amalan, budaya serta nilai kesenian sesebuah kaum. Seperti yang ditegaskan oleh Banks dan Banks (2004) bahawa pendidikan Kepelbagaian Budaya (*Multicultural Education*) dibangunkan sebagai sebahagian daripada cara untuk memberi tindakbalas atau respon bagi menangani isu-isu yang berkaitan etnik, perkauman dan kumpulan-kumpulan budaya yang merasakan terpinggir dalam negara mereka sendiri. Pendekatan pedagogi yang memberi ruang kepada kepelbagaian budaya untuk didedahkan kepada pelajar boleh diintegrasikan dengan cara penambahbaikan dan pemurnian kurikulum

Pendidikan Pelbagai Budaya: Definisi, Reformasi Pendidikan dan Perubahan Sosial

Pendidikan Pelbagai budaya merupakan satu anjakan dalam sistem pendidikan dunia yang bermula lewat tahun 1960-an dan awal 1970-an. Pendidikan pelbagai budaya merupakan perkara yang boleh dikatakan agak baru dalam perkembangan pendidikan yang dimulakan oleh pergerakan hak awam yang mana bertujuan untuk membantu para pelajar di kalangan kumpulan sasarannya yang merupakan para pelajar yang ketinggalan dibelakang para pelajar golongan kulit putih yang berada jauh 300 tahun kehadapan berdasarkan amalan sikap institusi perkauman terdahulu. Idea tentang pendidikan budaya pelbagai telah berkembang semejak era pertubuhan hak asasi awam dan antara isu-isu yang dimasukkan ialah isu perbezaan jantina

dalam pendidikan, pendidikan dwi-bahasa dan pendidikan khas. Sehingga kini, pendidikan pelbagai budaya tidak mempunyai definisi yang spesifik disebabkan kepelbagaian latar belakang di mana ia digunakan di dalam sesebuah negara atau merentasi dunia. Walau bagaimanapun, kebanyakan pengamal bersetuju bahawa pendidikan pelbagai budaya mempunyai aspirasi yang sama apabila diamalkan di tempat-tempat yang berbeza di dunia tanpa mengira disiplin, polisi sesebuah institusi dan ahlinya (Banks, 2001). Penyesuaian pendidikan pelbagai budaya adalah amat diperlukan dalam kalangan masyarakat yang mana sifatnya sentiasa berubah-ubah. Matlamat untuk memberi kesedaran terhadap perubahan sosial tetap menjadi agenda utama walaupun struktur pendidikan pelbagai budaya sentiasa berubah-ubah. Sasaran-sasaran lain dalam hal pendidikan budaya pelbagai juga turut sepatutnya terarah kepada pencapaian perubahan sosial. Sebaliknya, pendidikan pelbagai budaya sepatutnya dapat membawa kepada reformasi di dalam usaha pendemokrasian pendidikan di dalam kepelbagaian budaya masyarakat. Sebelum ini, Geran (1997) mendefinisikan pendidikan pelbagai budaya sebagai "satu konsep falsafah dan satu proses pendidikan". Oleh itu, kurikulum latihan guru dan kurikulum sekolah seharusnya memberi perhatian kepada isu kepelbagaian budaya kerana pendidikan pelbagai budaya ialah satu cara ke arah reformasi sosial. Selain itu, Geran (1997) menggariskan bahawa setiap aspek keperluan di dalam pendidikan pelbagai budaya perlulah telus dan dapat dilaksanakan agar ia membawa pembaharuan tidak hanya dalam pendidikan tetapi juga kepada masyarakat. Tambahan pula, pembaharuan pendidikan juga mendesak pelajar berfikiran kritis, membuat keputusan demokratik yang mencerminkan sokongan terhadap perbezaan budaya, selain sosial ianya mungkin baik juga digunakan sebagai satu alat untuk memberi kuasa kepada pelajar-pelajar dalam dan di luar bidang pendidikan. Bagi satu darjah tertentu, pendidikan pelbagai budaya memerlukan satu kurikulum yang inklusif dan komprehensif dengan selayaknya mengemukakan kepelbagaian dalam budaya, etnik, bahasa, agama, latar belakang ekonomi, taraf sosial, keupayaan dan kepelbagaian yang ditakrifkan di dalam pendidikan pelbagai budaya. Nieto dan Bode (2008) memberikan satu definisi pendidikan pelbagai budaya dari konteks sosio politik di mana ianya dikatakan sebagai "satu proses pembentukan sekolah yang komprehensif dan asas kepada pendidikan pelajar. Ia mencabar dan menolak perkauman dan bentuk-bentuk diskriminasi dalam sekolah dan masyarakat serta menerima konsep pluralisme atau majmuk". Mereka turut mengemukakan tujuh karektoristik asas pendidikan pelbagai budaya berlandaskan kepada definisi yang telah dikemukakan iaitu:

1. Pendidikan Pelbagai Budaya adalah pendidikan anti perkauman.
2. Pendidikan Pelbagai Budaya adalah asas pendidikan.
3. Pendidikan Pelbagai Budaya adalah penting kepada semua pelajar.
4. Pendidikan Pelbagai Budaya adalah pervasif atau meluas.
5. Pendidikan Pelbagai Budaya adalah pendidikan untuk keadilan sosial.
6. Pendidikan Pelbagai Budaya merupakan satu proses.
7. Pendidikan Pelbagai Budaya adalah pedagogi kritikal.

Dengan memiliki keberagaman kemungkinan spesifikasi terhadap kepelbagaian banyak isu yang perlu diperjelaskan. Banks (2001) berilustrasi bagaimana pendidikan pelbagai budaya boleh disalahertikan di dalam konteks pembelajaran Amerika. Beliau menekankan bahawa di mana tenaga pengajar dan pengamal sama ada di sekolah atau institusi pengajian tinggi mengandaikan pendidikan pelbagai budaya sebagai satu pembaharuan kurikulum merujuk kepada nilai etnik, kumpulan kebudayaan dan wanita. Sepertimana yang telah diperkatakan sebelum ini bahawa pendidikan pelbagai budaya ialah satu pembaharuan pendidikan yang menitikberatkan setiap aspek kepelbagaian dalam masyarakat ke arah pendaulatan dan pendemokrasian masyarakat. Kepelbagaian budaya tidak boleh dianggap sebagai satu penyelewengan satu budaya dominan dalam konteks pendidikan pelbagai budaya. Lantaran itu, satu kurikulum yang hanya mengemukakan sebahagian kepelbagaian mungkin tidak bersesuaian di dalam usaha melaksanakan satu pendidikan pelbagai budaya yang holistik (Kumar, 2004). Dalam satu kajian terdahulu oleh Kitano (1998), pendidikan pelbagai budaya digambarkan sebagai satu platform atau landasan bagi mempromosikan reformasi pendidikan yang memiliki kepelbagaian dan peluang sama rata dalam sesebuah masyarakat majmuk. Tambahan pula, pendidikan pelbagai budaya menggalakkan keserakanan dengan melihat kepada sumbangan dan pendapat rakyat dari pelbagai bangsa, etnik, budaya, bahasa, jantina, agama, orientasi seksual, dan (ketidak)keupayaan fizikal. Dalam satu kajian, Najeemah (2005) menekankan yang pendidikan pelbagai budaya menggariskan keutamaan dalam pendidikan yang memerlukan komitmen termasuk di dalam proses yang mencerminkan pluralisme atau kepelbagaian dalam masyarakat Malaysia. Beliau juga bersependapat dengan Banks (2004) yang menyokong pendidikan pelbagai budaya sebagai satu idea, proses dan juga satu reformasi pendidikan. Ia adalah empiris bagi membangunkan dan mengekalkan kesedaran kepelbagaian budaya yang mencerminkan perbezaan dalam masyarakat. Kepelbagaian budaya dalam pendidikan adalah satu multidimensi yang mana ia memerlukan komitmen daripada para pendidik untuk membina dan mengekalkan hubungan baik dengan pelajar, ibu bapa dan komuniti. Ia juga penting bagi pendidik di dalam persekitaran pendidikan pelbagai budaya untuk mewujudkan 'satu hubungan perhubungan antara perseorangan dan intrapersonal' (Najeemah, 2005). Pendidikan pelbagai budaya telah terbukti mempunyai tujuan dalam membawa perubahan sosial melalui pendidikan. Hanley (1999) menganggap pendidikan pelbagai budaya sebagai satu cara yang dapat menggalakkan keadilan dan keseluruhan demokrasi. Pada dasarnya, Banks (2001) telah menggariskan lima dimensi pendidikan pelbagai budaya dan potensi keberhasilannya iaitu pengisian integrasi, meningkatkan kesedaran pembentukkan pengetahuan, pengurangan prejudis, pedagogi ekuiti dan pemberian kuasa kepada budaya sekolah. Mengikut turutannya, dimensi-dimensi ini membawa kepada satu usaha reformasi yang memperkenalkan interaksi membina antara guru dan pelajar melalui kepelbagaian budaya. Dalam memberi gambaran jelas kepada lima dimensi pendidikan pelbagai budaya oleh Banks, Gagliardi (1995) juga berpendapat pendidikan pelbagai budaya menyediakan satu platform bagi pelajar dan guru untuk berinteraksi tanpa gangguan dan halangan terutamanya tidak toleransi antara budaya. Akhirnya, keadaan ini akan membantu kepada terhasilnya sebuah masyarakat yang menghormati perbezaan. Walaupun terdapat banyak kajian

berkenaan pendidikan pelbagai budaya, bukti yang penting dan tinjauan literatur terhadap kurikulum pendidikan guru sangat diperlukan (Villegas dan Lucas, 2002). Ini perlu di dalam menghasilkan dan menyediakan guru untuk mengajar di bilik darjah yang mempunyai pengetahuan dan juga kesedaran terhadap kepelbagaian budaya. Ia penting untuk guru dilengkapkan dengan kemahiran atau pengetahuan bagi mengendali pelajar dari pelbagai latar belakang budaya selain mengurangkan jurang antara pelajar dari latarbelakang budaya yang dominan dan minoriti, perbezaan kelas sosial dan juga bahasa dalam masyarakat. Tambahan pula, Villegas and Lucas bersetuju yang prestasi pembelajaran pelajar yang lemah membuktikan kekurangan dari segi pendidikan, sosial, ekonomi dan sistem politik sesebuah negara. Dalam memberi sokongan terhadap keadilan sosial, penamatan sikap perkauman selama lebih 300 tahun yang mendiami negara seperti Amerika Syarikat juga mampu berlaku melalui perubahan dalam sistem pendidikan sesebuah negara. Dengan menjadikan pendidikan sebagai suatu hak sama-rata dalam golongan minoriti yang merupakan matlamat pendidikan budaya pelbagai, ia mampu mengecilkan jurang di antara golongan kana-kanak kulit putih dan golongan kanak-kanak minoriti. Berdasarkan Persatuan Kebangsaan Pendidikan Pelbagai Budaya (2003), pendidikan pelbagai budaya “menyediakan para pelajar untuk bekerjasama secara erat dalam membentuk institusi masyarakat yang berorganisasi berdasarkan penyediaan pengetahuan, perspektif, dan kemahiran dalam pembahagian kuasa disamping pengambilan keuntungan dalam kalangan masyarakat majmuk itu tersendiri”. Tangapan dan keraguan bahawa institusi perkauman yang wujud lebih 300 tahun telah mampu untuk memberi impak negatif terhadap kumpulan minoriti bagaimanapun tetap wujud. Para pendidik pelbagai budaya sedang bekerja keras dalam mendorong kepada arah kesamaan dalam bidang pendidikan dengan mengambil kira faktor pengalaman-pengalaman setiap kanak-kanak dalam bilik darjah dan sekaligus hal ini mampu memberi peluang kepada setiap kanak-kanak untuk mencapai potensi optimum masing-masing.

KERANGKA KONSEP PENDIDIKAN PELBAGAI BUDAYA

Sebelum mana-mana pengamal pelbagai budaya atau penggubal dasar melaksanakan konsep dalam institusi pendidikan mereka, ia penting untuk mereka terlebih dahulu menyusun atur satu kerangka konsep yang dapat dilaksanakan. Banks (2007) telah membangunkan satu tipologi komprehensif pendidikan pelbagai budaya yang mengandungi lima kompleks dan dimensi yang saling bergantung iaitu integrasi, proses pembinaan pengetahuan, pengurangan prejudis, pedagogi ekuiti, dan pemberian kuasa kepada budaya sekolah dan struktur sosial. Seperti yang telah diperkatakan sebelum ini, terdapat salah tafsir dalam kandungan yang disampaikan berkenaan kurikulum pendidikan pelbagai budaya di mana kajian etnik membawa kepada kecuai dalam memelihara pendidikan pelbagai budaya terutama sekali dalam pembelajaran matematik dan sains (Banks, 2001). Dalam satu garapan, Banks dan Banks (2007) menunjukkan daripada lima dimensi pendidikan pelbagai budaya yang dicadangkan, integrasi kandungan merupakan satu bahagian yang penting apabila digunakan secara serentak bersama dengan empat dimensi yang lain di dalam persekitaran pendidikan pelbagai budaya. Ini penting ke arah melaksanakan transformasi kurikulum, dan ke arah aspirasi pendidikan pelbagai

budaya yang lebih demokratik. Kurikulum kepelbagaian kebudayaan bukanlah suatu penambahan kepada kurikulum sedia ada yang akan menyebabkan perubahan secara keseluruhan. Penerangan para guru tentang pendidikan budaya pelbagai mungkin menjadi sempit kerana tu merupakan satu-satunya pengetahuan yang mereka ketahui pada masa pengajaran atau penyampaian maklumat tersebut. Bagi sebuah perjalanan kelas pendidikan pelbagai budaya yang efektif, para guru haruslah merancang pengajaran sepanjang tahun pengajian tersebut agar memastikan setiap subjek pembelajaran itu berkaitan di antara satu sama lain bagi mendapatkan maksud yang lebih mendalam. Sebuah kurikulum telah dihasilkan bagi memenuhi keperluan para pelajar oleh Veblen, K. dan rakan-rakan (2005). Pengetahuan peribadi dan elemen kebudayaan daripada para pelajar digunakan bagi penghasilan kurikulum tersebut. Sebuah makmal pembelajaran dihasilkan melalui pengalaman dan pengetahuan para pelajar. Pengalaman kepelbagaian budaya telah mereka alami kerana para pelajar ini merupakan kumpulan pelajar daripada institusi persediaan guru. (Veblen, K. et al. 2005). Banyak pemerhatian yang telah dilakukan menunjukkan bahawa integrasi isi kandungan pelbagai budaya di dalam buku teks membantu meningkatkan tahap kesedaran guru, pelajar, pentadbir dan pembuat dasar pendidikan. Walaupun pembekuan isi kandungan pelbagai budaya mungkin disebabkan pembaharuan di dalam sukatan pembelajaran itu, namun ia masih dianggap satu usaha yang murni. Walau bagaimanapun, pendekatan yang berbeza perlulah dipertimbangkan bagi mendukung keperluan pedagogi ekuiti. Buku teks edisi semasa seharusnya mempunyai ilustrasi, visual dan informasi berkaitan latar belakang pelbagai budaya yang dibincangkan dalam sesuatu topik yang khusus. Selain itu, penggunaan bahasa bagi memperjelaskan maklumat ciri sesuatu budaya seharusnya dibenarkan di dalam buku teks dan aktiviti bilik darjah. Amatlah perlu ditekankan bahawa pengisian integrasi bukan sekadar pelaksanaan pengajaran yang hanya bersekitar pada makanan, perayaan, dan aspek asas lain budaya-budaya etnik (Banks, 2001). Justeru itu, Banks (2007) mencadangkan bahawa keberkesanan kandungan integrasi merupakan satu transformasi kurikulum di mana "struktur kurikulum telah diubah bagi membolehkan pelajar untuk melihat konsep, isu, peristiwa, dan tema dari perspektif kumpulan kepelbagaian bangsa dan budaya". Proses pembentukan pengetahuan itu membuka peluang untuk pelajar mengkaji bagaimana pengetahuan dari segi sosial dibina secara kritis. Tambahan pula, ia dapat digunakan sebagai satu kaedah kajian dalam mengkaji bagaimana pengetahuan dibentuk oleh kecenderungan, norma kebudayaan, dan perspektif dan dititiberatkan dalam sesuatu lapangan (Banks, 2007). Pelbagai aktiviti bilik darjah dan pedagogi pengajaran dapat dimajukan untuk penglibatan pelajar secara aktif dalam proses pembinaan pengetahuan bagi memelihara pendidikan pelbagai budaya.

Selain itu, Gollnick dan Chinn (2009) menambah bahawa pemikiran kritis amat penting terutamanya dalam menggalakkan pelajar untuk bertanya soalan berkenaan penguasaan budaya dominan dalam kurikulum aliran utama. Ini akan membawa kepada penciptaan transformasi kurikulum di mana pelajar digalakkan untuk berfikir secara kritis dan mempersoalkan berkenaan status 'quo' dan mengkaji perspektif kumpulan yang berlainan. Bagaimanapun, ini seharusnya hanya digunakan sebagai satu pemangkin kepada perubahan sosial yang positif di mana

pelajar sebagai ejen untuk perubahan sosial hanya di dalam masyarakat majmuk dan demokratik mengenai tanggungjawab sosial (Banks, 2001; Bennet, 1994). Ke arah transformasi kurikulum, pendidikan pelbagai budaya mengiktiraf sumbangan setiap individu dalam pembinaan pengetahuan. Pelajar seharusnya tidak dianggap sebagai hanya menerima pengetahuan dari guru. Sebaliknya, pemindahan dan perkongsian pengetahuan dapat dijadikan sebagai satu proses berkitar yang mewakili nilai keadilan sosial dan demokrasi, termasuk persamaan, ekuiti, keadilan, dan hormat-menghormati. Kemudiannya, ia akan mengurangkan prejudis dan menyediakan peluang kepada pelajar untuk membangunkan dan menunjukkan nilai dan sikap demokratik (Banks, 2007). Aktiviti pembelajaran dan pedagogi pengajaran perlu menggalakkan pelajar berkolaborasi dengan rakan setempat yang terdiri daripada pelbagai budaya dan etnik di dalam mengkaji sikap perkauman dalam pelajar. Adalah sangat disarankan agar guru tidak menyetepikan kemungkinan wujudnya prejudis dan sikap perkauman negatif dalam bilik darjah (Banks, 2007). Turut dicadangkan agar guru-guru di dalam sistem U.S K-12 dapat melaksanakan aktiviti ini dalam pengajaran dan pembelajaran bagi mengelakkan berlakunya prejudis perkauman dan sikap negatif terhadap budaya lain yang boleh membawa impak negatif kepada sekolah dan persekitaran pembelajaran (Banks, 2007; Geran dan Sleeter, 2007). Kesedaran dan mengambil langkah positif dalam mengemukakan isu ini dapat menggalakkan perpaduan dan komunikasi antara kumpulan. Di dalam perkembangan transformasi kurikulum di persekitaran pendidikan pelbagai budaya, kebanyakan penyelidik menyokong pelaksanaan pembelajaran kooperatif dalam bilik darjah (Gollnick dan Chinn, 2009; Banks dan banks, 2007; Sleeter dan Geran, 2003). Mereka percaya yang kesefahaman dan penerimaan terhadap kepelbagaian budaya dapat diterapkan kepada setiap pelajar melalui pelbagai aktiviti dalam pembelajaran kooperatif. Pertama, ia menggalakkan pembelajaran resiprokal dan interaksi silang budaya kerana pelajar perlu bekerja secara kolaboratif melalui pertukaran pengetahuan dan kemahiran. Kedua, pelajar dapat mengenali dan menghargai pengetahuan dan kemahiran yang dibentangkan oleh kumpulan-kumpulan yang lain. Ketiga, melalui aktiviti kumpulan heterogen atau pelbagai, semua pelajar boleh mengambil peranan sebagai pemimpin bagi pertukaran dan perkongsian pengetahuan kepelbagaian budaya. Seterusnya, ia dapat menstabilkan stigma sosial dan 'stereotaip dominan dan dominasi budaya'. Lantaran itu, penggunaan kesusasteraan pelbagai budaya yang memberi gambaran yang tepat berkenaan pengalaman dan perspektif pelbagai kaum, etnik, ekonomi, dan kumpulan kebudayaan menyumbang kepada pengurangan sikap prejudis. Tambahan pula, sumber kesusasteraan pelbagai budaya yang asli serta tepat dapat menggalakkan pembinaan pengetahuan melalui perbualan bilik darjah mengenai prejudis, stereotaip, dan stigma secepat seperti perkauman dalam masyarakat. Akhirnya, sumber asli dan tepat kesusasteraan pelbagai budaya dapat dilihat sebagai "cermin dan tingkap," dengan melihat pelajar sebagai "tingkap kepada budaya lain dan cermin yang memantul ke mereka sendiri" (Glazier dan Seo, 2005) dalam pencarian satu pendidikan pelbagai budaya yang demokratik dan transformasi kurikulum. Antara langkah pedagogi yang ingin dipertimbangkan oleh pengamal dan pembuat dasar pendidikan pelbagai budaya ialah pedagogi ekuiti yang mengandungi kaedah pengajaran dan pembangunan persekitaran bilik darjah yang

menggalakkan pengajian dan pencapaian akademik semua pelajar (Banks, 2007). Pedagogi ekuiti membolehkan pelajar dari pelbagai kumpulan membangunkan pengetahuan, kemahiran, dan pembawaan hendak untuk menyertai dan menyumbang kepada sebuah masyarakat demokratik. Pedagogi ekuiti berhubungkait dengan dimensi pendidikan pelbagai budaya yang disembarkan dengan Banks. Maka, ia membuktikan betapa pentingnya penekanan budaya dan pengetahuan terdahulu pada semua pelajar untuk menyokong pembelajaran pelajar. Lantaran itu, adalah penting untuk guru-guru mengenali kepelbagaian budaya pelajar. Bagaimanapun, penyelidik (Banks, 2007; Oakes dan Lipton, 2003) menunjukkan yang guru boleh mengamalkan "*flawed cultural-deficit*", atau "*deprivation*", teori-teori sama ada secara sengaja atau tidak. Banks menambah bahawa paradigma defisit-kebudayaan menyalahanggap bahawa perjuangan akademik pelajar ialah berkaitan dengan mereka yang dipinggirkan populasi, rumah dan komuniti budaya mereka. Justeru itu, guru-guru perlu lebih berhati-hati dengan andaian-andaian seumpamanya dan bijak mengutarakan isu tersebut di dalam bilik darjah menggunakan literaturasi pelbagai budaya yang tepat untuk menggalakkan dan menggunakan pendidikan pelbagai budaya yang baru dan demokratik (Bartolome, 2001).

Demi mencapai kejayaan dalam pelaksanaan pedagogi ekuiti, Banks (2007) menyatakan pengetahuan mengenai kebudayaan pelajar sebagai keperluan pra syarat bagi mewujudkan satu 'budaya persekitaran bilik darjah yang neutral'. Ini menunjukkan yang persekitaran bilik darjah dan pembelajaran yang pelbagai budaya selalunya cenderung ke arah perspektif budaya dominan dalam masyarakat. Ini dapat dikaitkan dalam Gollnick dan Chinn (2009), persekitaran pendidikan berbilang budaya sedia ada terdapat kekurangan dan mengelirukan maka, ia memerlukan satu kajian kritikal dan pembinaan semula pandangan masyarakat ke arah pendidikan pelbagai budaya (Banks, 2007). Dalam gambarannya, Banks menyatakan pedagogi ekuiti mengiktiraf kerumitan pengajian dengan peruntukkan membebaskan pengalaman pembelajaran. Tambahan pula, pedagogi ekuiti menaikkan pembangunan dan pengeluaran pengetahuan dalam satu persekitaran yang kondusif dengan penekanan kemahiran pemikiran kritis kepada pelajar. Untuk ini, pedagogi ekuiti memberi maksud baru kepada hubungan antara pelajar dan guru di mana pelajar ialah penyiasat bersama yang aktif dalam perbincangan dengan guru (Banks, 2007). Untuk menjadi kaedah pedagogi yang berpusatkan kepada pelajar lebih signifikan, Pedagogi ekuiti menggalakkan pertumbuhan dan penyerahan sepenuh tanggungjawab ke atas pembelajaran murid-murid, keintelektualan, kemahiran emosi, sosial, dan berpolitik (Ladson-Billings, 1997; Kumar, 2004; Freire, 2009; Chubbuk, 2010). Oleh itu, pedagogi ekuiti mendukung transformasi kurikulum ideals yang liberal. Institusi pengajian menjelaskan lagi kerumitan institusi sosial yang memerlukan satu pemahaman sistemik dalam pengajaran satu reformasi komprehensif dan justifikasi dalam pendidikan (Banks, 2007). Ini termasuklah pertimbangan dalam mengenalpasti kurikulum yang bersesuaian beserta pengajaran, penilaian, profesionalisme dan juga komuniti institusi pembelajaran. Dalam usaha mencipta pendidikan pelbagai budaya yang demokratik, kita perlu mengenal pasti hubungan antara komuniti sekolah. Pasukan ini perlu dikenali dengan mempelajari dan mengenal pasti cara bagi mengatasi anggapan

awal yang tidak baik dalam pengisian budaya dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Kita juga perlu mempertimbangkan pengstrukturkan semula amalan pengajaran sedia ada untuk membina transformasi kurikulum dan pendekatan pedagogi yang menyeluruh (Kumar dan Maeh, 2010). Inti pati penting dalam transformasi kurikulum menghubungkan pendidikan dengan perubahan sosial, pembebasan dan memperjelaskan bahawa pengetahuan boleh menjadi pemangkin untuk mempengaruhi kehidupan sosial (Giroux dan Giroux, 2006). Ini secara keseluruhannya dapat menambahbaik penciptaan dari segi pendekatan pedagogi keadilan sosial dan 'empowermen' kepada budaya sekolah dan budaya sosial yang lebih tepat dan bermakna. Akhir sekali, transformasi kurikulum juga memerlukan pembinaan semula sosial pendidikan (Sleeter dan Grant, 2003). Pembinaan semula ini perlu dinilai dan dipertimbangkan untuk dimasukkan ke dalam lima dimensi pendidikan pelbagai budaya oleh Banks (2001) di dalam mewujudkan satu kepelbagaian 'budaya yang netural' di dalam bilik darjah. Tambahan pula, ia juga penting untuk mempertimbangkan pelajar sebagai ejen yang akan membawa perubahan sosial dalam persekitaran sekolah dan seterusnya berkembang dalam masyarakat. Yang paling utamanya, peranan pelajar dalam membawa perubahan sosial dalam sesebuah masyarakat majmuk patut dilihat sebagai satu pemangkin positif dengan mengemukakan isu-isu sosial secara konstruktif.

PENDEKATAN PENDIDIKAN PELBAGAI BUDAYA

Keperluan pendidikan pelbagai budaya telah pun dipersetujui oleh para pendidik di Amerika Syarikat. Cara pengimplementasian K-12 di dalam kelas serta kaedah pengajaran pendidikan pelbagai budaya itu sendiri bagaimanapun hanya dipersetujui oleh sesetengah pihak sahaja. Kepayahan dan percanggahan dalam mentafsir maksud pendidikan pelbagai budaya serta cara pengajaran dan cara mengimplementasikannya dapat ditunjukkan melalui kajian (Bruch et al., 2004; Banks, 2002; Bennet, 2003; Gollnick & Chinn 2002; Grant & Gomez, 2001; Hernandez, 2001; Nieto, 2000; Sleeter & Grant, 1999; Tiedt & Tiedt, 2005). Pengumpulan kaedah-kaedah pendekatan berkaitan pendidikan pelbagai budaya dan pengajarannya tentang kepelbagaian telah pun didedahkan melalui kajian tersebut. Penggunaan dan kesahihan dalam kepelbagaian dan pendidikan pelbagai budaya buat para guru haruslah diteliti daripada sudut perspektif pihak yang akan menjalankan tugas tersebut kerana hal itu merupakan sesuatu yang rumit dan tidak boleh ditafsir oleh mereka yang bukan terlibat dalam bidang itu sendiri. Bruch et al. (2004) menyifatkan tiga pendekatan berkaitan pendidikan pelbagai budaya yang dikaitkan sebagai penyambutan (*celebratory*), kritikal atau penting (*critical*), dan berdaya-ubah (*transformative*). Rangka-kerja ini amat berguna melalui tiga pendekatan yang telah dinyatakan kerana ia menunjukkan bagaimana guru-guru K-12 menyifatkan persepsi mereka yang tersendiri dalam hal tersebut. Menurut Hernandez (2001), salah satu cabang pendidikan mula muncul di Amerika Syarikat pada era 1960-an dan 1970-an adalah merupakan pendidikan pelbagai budaya. Dari tatacara pemakanan etnik hinggalah kepada cara perbincangan sesuatu isu merupakan antara maksud yang dibawa oleh kata kunci budaya majmuk dan kepelbagaian semenjak permulaan pendidikan tersebut. Setiap sekolah daripada pelbagai daerah telah menjalankan program yang mana ia mencakupi pelbagai

konsep dan pengamalan daripada sumber yang berbeza. Subjek pendidikan pelbagai budaya atau subjek *diversity* (kepelbagaian) telah ditetapkan oleh institusi pendidikan untuk diambil oleh para guru pelatih baru di kebanyakan pusat latihan. Setiap satu daripada kaedah pendekatan pendidikan pelbagai budaya adalah berdasarkan kepada falsafah pendidikan yang tertentu di mana terdapat beberapa kaedah dibawahnya. Menurut Sleeter & Grant (1999 & 2003), terma pendidikan pelbagai budaya membawa tafsiran yang berbeza kerana manusia "tidak selalu bersetuju tentang apakah bentuk kepelbagaian budaya yang diwakilinya". Sesetengah guru, pengarah program, dan pakar bidang kurikulum tetap menyatakan ketidak-puasan mereka tentang keberkesanan program itu sendiri disebalik pelbagai program yang dijalankan juga disamping kursus-kursus yang telah ditaja (Bennet, 2003; Brown, 2004; Grant & Gomez, 2001; Nieto, 2000).

Menurut kenyataan Bruch et al. (2004), "jurang di antara teori dan pengamalannya merupakan antara cabaran terbesar bagi pendidikan pelbagai budaya yang merupakan salah satu cabang pendidikan". Penyatuan tentang perkara yang dikenali sebagai tiga pendekatan utama terhadap pendidikan pelbagai budaya iaitu penyambutan (*celebratory*), kritikal atau penting (*critical*), dan berdaya-ubah (*transformative*) yang telah dicadangkan sebelum ini mampu merapatkan jurang tersebut disamping memberi perubahan terhadap kelancaran perjalanan program tersebut. Cadangan bahawa pendidikan seumpamanya patut menjadi suatu penilaian terhadap sistem pendidikan sedia ada dalam merujuk kepada istilah "berdaya-ubah" turut dinyatakan. Perdebatan ini adalah kerana berdasarkan kepercayaan bahawa melalui penyatuan ketiga-tiga pendekatan ini, sebuah kurikulum dapat dihasilkan yang mana ia mampu difahami oleh semu pelajar dengan mengenali perbezaan mereka melalui pelbagai cara penyampaian dan penilaian. Penjelasan terhadap falsafah tertentu dalam pendidikan ditonjolkan bagi setiap pendekatan dimana ia dikaitkan dengan penyampaian dalam menjalankan pendidikan pelbagai budaya. Dalam menyampaikan pandangan dan perspektif yang tertentu, bahan-bahan pembelajaran yang sesuai telah dipilih. Hal ini menyediakan para guru yang telah dilatih dengan perspektif dalam konsep tertentu, perancangan dan perjalanan pendidikan pelbagai budaya itu sendiri. Hasil kerja dalam konteks tersebut telah menjadi kemuncak terhadap pandangan tertentu tentang kepelbagaian yang ada. Melalui tiga pendekatan tersebut, satu rangka kerja telah disediakan bagi mengkaji bahan-bahan, konteks, dan latihan perguruan yang digunakan dalam pendidikan pelbagai budaya sebelumnya. Bruch dan rakan-rakan (2004) menyifatkan bahawa ketidakupayaan dalam proses idea asimilisasi untuk "menyatakan pencapaian positif dalam pelbagai aspek daripada budaya dan kumpulan sosial yang berbeza" mempunyai perbezaan tafsiran yang dianggap tidak berjaya untuk disampaikan melalui pendekatan penyambutan (*celebratory*). Bruch et al. (2004) Bagaimanapun berpendapat bahawa, bagi mengelakkan lagi perpisahan jurang di antara kumpulan yang sedia ada, pendekatan tersebut dilihat sebagai sesuatu yang sangat diperlukan. Menurut mereka lagi, kegagalan ini adalah turut berpunca daripada pendekatan penyambutan (*celebratory*) yang dilakukan tanpa kajian mendalam dan pengkritikan perhubungan secara tidak langsung di kalangan masyarakat. Pendekatan yang tidak kritikal ini telah gagal untuk merapatkan jurang antara "zon selesa" seseorang iaitu dalam kalangan orang yang dikenali disamping kurangnya

interaksi dalam kehidupan masyarakat majmuk. Pendekatan ini sering disifatkan sebagai “kesedaran,” “sikap saling menghormati kepada orang yang berbeza,” “penerimaan,” dan “toleransi”. Tiedt & Tiedt (2005) dalam hasil penulisan buku pendidikan pelbagai budaya mereka telah membentangkan suatu pendekatan dalam pendidikan pelbagai budaya yang hampir serupa dengan pendidikan “penyambutan” (*celebratory*) yang sedia. Pelbagai kaedah dan aktiviti untuk membantu para guru bagi menjalankan pendidikan pelbagai budaya sebagai sebahagian daripada kurikulum dimana-mana sahaja diperkenalkan. Isu kebangkitan dalam kepelbagaian disamping mempelajari tentang komuniti orang lain, tradisi-tradisi, dan budaya-budaya yang berbeza ditumpukan melalui strategi dan kaedah yang dinyatakan. Tiedt & Tiedt (2005) menegaskan bahawa, “Perancangan suatu pengalaman pembelajaran yang mampu mendokong sifat jati-diri seseorang disamping meningkatkan aktiviti kerjasama yang mampu membina sifat ambil berat antara para pelajar” merupakan matlamat di mana ia mampu dilaksanakan dengan pemberian hak kesamarataan dalam setiap bilik darjah bagi setiap pelajar tanpa mempedulikan tentang ketidakadilan yang berlaku dalam sesebuah masyarakat plural.

Kajian dan pencabaran terhadap kuasa-kuasa dan keistimewaan yang sedia ada serta fungsinya dalam kalangan masyarakat dapat dilakukan melalui pendekatan kritikal atau pendekatan kepentingan (*critical*). Status quo dan kritikan tentang kuasa perhubungan dalam kalangan masyarakat merupakan antara isu yang menjadi persoalan melalui pendekatan tersebut. Antonio Gramsci turut pernah menyebut hal sedemikian sebagai “perebutan keatasan ideologi dominan atau hegemoni” (Apple 1995) dalam kalangan masyarakat di mana pengkajian peranan pendidikan dalam menyalur dan menyebarkan disamping menstabilkan “norma-norma” masyarakat sedia ada telah terbukti. Namun penekanan berlebihan terhadap pendominasiannya boleh memberi kesan negatif yang mampu menjatuhkan moral para pelajar di mana situasi tersebut juga mampu membuatkan mereka bersifat suka memberontak serta menimbulkan satu perkara atau isu yang sensitif bagi menarik perhatian serta membimbangkan (Brutch et al, 2004). Sonia Nieto’s (2000), melalui hasil penulissannya *Affirming Diversity* (Penegasan Kepelbagaian) turut menggambarkan pendekatan tersebut di mana ia mengingatkan para pembaca bahawa mereka tidak patut menyisihkan kebanyakan isu “sosial dan pendidikan yang memberi kesan kepada kehidupan para pelajar”. (Nieto, 2004: Nieto & Bode, 2008) turut menegaskan bahawa pendidikan pelbagai budaya haruslah sentiasa muncul dalam konteks yang meluas serta perlulah “menghadapi isu kekuasaan dan keistimewaan dalam kalangan masyarakat... mencabar sifat perkauman dan prejudis yang lain selain struktur-struktur, polisi-polisi, dan amalan-amalan yang sedia ada di sekolah”. Gramsci (1971), telah membuat pernyataan bahawa setiap individu “terlibat dalam pembentukan konsep dunia”. Menurut beliau lagi seseorang itu mampu bertindak dalam mengubah konsep sedia ada iaitu “dengan membawa gaya pemikiran baru”. “Sumbangan kepada pegangan konsep dunia sedia ada” pengamiranapun mampu timbul melalui kritikan pendidikan dan masyarakat tanpa pengambilan sebarang tindakan (Gramsci, 1971). Pendekatan berdaya-ubah (*transformative*) lebih bersifat untuk mengkritik suatu dominasi sedia ada seperti mana yang dinyatakan oleh Bruch et al. (2004) di mana ia lebih terarah untuk

mengambil tindakan baru selain percubaan bagi mencari kaedah yang bertujuan untuk “mengubah atau memecah dominasi bagi kebaikan semua”. Perubahan bukan sahaja mampu berlaku pada semua tahap masyarakat, malah juga seantero dunia jika perubahan itu dijalankan di atas peranan pendidikan dengan menggunakan pendekatan tersebut. Penetapan sasaran bagi penyesuaian diri dalam kalangan warga dominan bukanlah tumpuan utama pendekatan bertransformasi ini. Sebaliknya, hak kesamarataan secara adil dan saksama oleh setiap individu merupakan matlamat bagi pendekatan ini. Pandangan-pandangan ini bagaimanapun sering dianggap sebagai angan-angan yang terlalu jauh disamping tidak praktikal dan malah diaggap sebagai pelik. Pendidikan pelbagai budaya yang menggunakan pendekatan yang berdaya ubah (*transformative*) “berdasarkan nilai-nilai demokrasi dan kepercayaan yang mampu meneguhkan sifat budaya majmuk dalam kehidupan masyarakat pelbagai latar belakang dalam dunia yang bebas” turut disokong Christine Bennet (2003) dimana ia adalah bertujuan untuk membangunkan para pelajar yang mempunyai potensi tinggi dari segi sosial, pemikiran, dan sosial. Beliau mengakui bahawa hal ini mungkin dilakukan walaupun ia dikritik sebagaimana pendekatan berdaya-ubah (*transformative*) itu sendiri. Namun beliau tetap percaya bahawa idea tersebut mampu dijalankan dalam usaha untuk membawa perubahan kepada masyarakat.

Dalam menjalankan pendidikan pelbagai budaya melalui pengkajian falsafah-falsafah pendidikan sedia ada disamping pengaruh-pengaruh lain yang membentuk persepsi pendidik-pendidik K-12, para pendidik haruslah turut mengkaji konteks atau hal tersebut melalui latihan perguruan yang telah mereka lalui sebelumnya. Falsafah dan pendekatan yang dibawa oleh institusi iaitu tempat dimana para pendidik mendapat latihan mereka mampu memberi impak yang mendalam dalam kesedaran dan komitmen seseorang pendidik itu tentang isu kepelbagaian kebudayaan. Berdasarkan sebuah kajian terhadap kesedaran dan persepsi tentang kepelbagaian kebudayaan ke atas bakal para guru yang telah dijalankan pada tahun 2002 oleh Milner et al. (2003) yang mana ia dilakukan berdasarkan kajian pada tahun 1990, hasil kajian tersebut telah pun dibandingkan. Keputusan yang terhasil menunjukkan bahawa masih terdapat ruang untuk perubahan dilakukan. Para penyelidik tersebut menyokong penyerapan kepelbagaian kebudayaan itu dalam kurikulum secara keseluruhan dan bukannya sebagai satu subjek yang asing dan tersendiri. Selain daripada itu, para penyelidik tersebut turut menggalakkan supaya bakal-bakal guru lebih “didedahkan dengan program yang membolehkan mereka mendekati kumpulan para pelajar daripada budaya yang pelbagai dan berbeza” (Milner, 2003). Perhatian para penyelidik tertumpu kepada penggunaan kaedah yang betul oleh bakal guru adalah lebih terarah kepada kaedah pendekatan penyambutan (*celebratory*) yang betul disamping mempelajari tentang budaya yang lain selain pendekatan kritikal (*critical*) yang memaparkan kefahaman mereka sebagai suatu entiti dalam struktur sistem itu sendiri. Isu kaedah pedagogi dan peranannya dalam menyediakan para guru untuk mengajar dalam persekitaran yang mempunyai pelbagai budaya turut diutarakan oleh Brown (2004). Para pelajar golongan kulit putih yang “menyertai kursus-kursus oleh badan-badan kebudayaan majmuk mengalami tentangan dan pemberontakan pada tahap yang berbeza dalam diri mereka”. Ini merupakan suatu

perkara yang timbul dalam pemikiran Brown. Kajian beliau menunjukkan bahawa terdapat perhubungan di antara “kaedah pengajaran yang digunakan sebagai satu subjek tersendiri dalam kepelbagaian budaya dan perubahan yang berlaku dalam kesedaran para pelajar terhadap kepelbagaian budaya itu sendiri” (Brown, 2004). Para pelajar diberi peluang untuk membuat refleksi sendiri dalam kelas pada minggu-minggu awal dan peluang “untuk terlibat secara aktif dalam pengalaman lapangan merentasi budaya yang berbeza” mampu memberi pemahaman yang lebih tentang isu yang dipelajari di dalam kelas. Hal ini merupakan kesimpulan yang dapat dibuat daripada hasil kajian Brown. Penyatuan pendekatan penyambutan (*celebratory*) dan kritikal (*critical*) dapat memberi impak terhadap pembelajaran mengenai budaya orang lain dan kuasa perhubungan seseorang itu dengan yang lain adalah hasil kajian yang telah diperolehi. Setelah membuat beberapa penelitian yang mendalam terhadap pendekatan pendidikan pelbagai budaya sebelum ini, Bank dan Banks (2010) pula telah mengutarakan lima pendekatan pengajaran berbeza berkaitan pendidikan pelbagai budaya yang boleh dilaksanakan oleh guru dalam menyediakan persekitaran pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan dan bermakna terhadap kumpulan pelajar yang berbilang bangsa. (1) Pengajaran yang luar biasadandibudayayang berbeza (*Teaching of the Exceptional and the Culturally Different*). Matlamat pendekatan ini adalah untuk melengkapkan pelajar dengan kemahiran kognitif, konsep, informasi atau maklumat, bahasa, dan nilai-nilai tradisional yang dikehendaki oleh masyarakat seperti di Amerika Syarikat serta negara-negara lain yang memiliki penduduk yang berbilang bangsa dan akhirnya untuk membolehkan mereka memiliki pekerjaan dan berfungsi dalam institusi dan budaya masyarakat. Guru yang menggunakan pendekatan ini sering memulakan pengajaran dengan mengenalpasti tahap pencapaian pelajar, melakukan perbandingan tahap pencapaian pelajar dengan standard pencapaian yang telah ditetapkan sebelum mereka berusaha untuk membantu pelajar yang tercicir bagi seiring dengan pelajar lain.

Pendekatan seterusnya yang dicadangkan oleh Bank dan Banks (2010) adalah Pendekatan Perhubungan Manusia (*Human Relations Approach*) di mana kurikulum untuk pendekatan hubungan manusia menangani perbezaan dan persamaan individu. Termasuk sumbangan kumpulan pelajar dalam ahli masyarakat dan menyediakan maklumat yang tepat mengenai pelbagai kaum, bangsa, golongan hilang upaya, jantina, atau kumpulan kelas sosial dengan mengambil kira siapa pelajar memiliki istereotaip. proses pengajaran termasuk banyak pembelajaran kooperatif, peranan bermain dan yang mewakili atau pengalaman sebenar untuk membantu pelajar membangunkan rasa menghargai orang lain. Golongan yang menyokong pendekatan ini menunjukkan bahawa iaseharusnya dilakukan secara menyeluruh, disepadukan ke dalam beberap abidang pengajian, dan sekolah secara keseluruhannya. Pendekatan Pengajian Kumpulan Tunggal (*Single-Group Studies Approach*) merupakan pendekatan ketiga yang dicadangkan oleh bank dan Banks (2010). Pendekatan ini bertujuan untuk meningkatkan status sosial kumpulan sasaran dengan membantu anak-anak muda mengkaji bagaimana kumpulan masyarakat minoriti tertentu yang telah ditindas secara sejarah silamnya walaupun mereka telah meningkat dari aspek keupayaan dan pencapaiannya seperti dalam bidang ekonomi serta sosial. Pendekatan ini menawarkan satu kajian mendalam

